




1hb Januari 2026

## **PEMAKLUMAN RASMI: PENGEDAR EKSKLUSIF SOUTHERN FOLGER; SOUTHERN STEEL, FOLGER ADAM & RR BRINK (ASTM)**

Mendoakan semua dalam keadaan sejahtera dalam menjalankan tanggungjawab harian. Kami juga menyampaikan salam dari Presiden Southern Folger, Tuan Don Halloran.

Dengan sukacitanya berkuat kuasa serta-merta, kami ingin memaklumkan bahawa Emir Bina Sdn Bhd telah dilantik sebagai pengedar eksklusif yang sah di Malaysia bagi jenama **RR Brink** selain **Southern Steel, Folger Adam** di bawah Southern Folger, St. Antonio, Amerika Syarikat. Perkara ini juga boleh dilayari di laman sesawang rasmi Southern Folger di bawah kategori [International Distributor, Asia-Malaysia](#). \*(Rujukan surat perjanjian bertajuk *International Distribution Agreement Between Southern Folger Detention Equipment Company and Emir Bina Sdn Bhd* bertarikh Oktober 2025, dan surat bertajuk *Authrization of Emir Bina Sdn Bhd as Official Distributor for Southern Folger in Malaysia* bertarikh Januari 2026. Dokumen akan dikemukakan sekiranya mempunyai permohonan rasmi.)

Melalui pengumuman ini, diharapkan umum jelas mengenai wakil rasmi, pembekalan bahan, alat ganti tulen dan sokongan selepas jualan. Disamping itu menjelaskan isu tuntutan palsu yang boleh membatalkan jaminan bagi produk-produk keselamatan tersebut selain isu kesulitan pewartaan projek di pasaran. Untuk sebarang pertanyaan berkenaan taklimat, kertas cadangan, katalog, sebut harga, penyelenggaraan dan lain-lain, sila hubungi kami secara langsung melalui info di bawah.

Kesemua jenama di atas mempunyai rekod yang terbukti dan akan terus berusaha membina kepercayaan yang kukuh di industri pertahanan dan keselamatan, di Malaysia.

Kami berharap maklumat ini dapat membantu serta menambah baik perkhidmatan kami pada setiap masa. Jutaan terima kasih atas perhatian dan kerjasama berterusan amat dihargai.

Yang Benar,

***Nurul Husna Bt. Mohd Fakhruvrazi***

Eksekutif Pembangunan Perniagaan

☎ : +6019 335 7862

✉ : emirbinagroup@gmail.com



**TAKLIMAT RINGKAS: PENGENALAN INDUSTRI SISTEM PINTU-KUNCI KESELAMATAN MAKSIMUM PADA INSTITUSI PENJARA, LOKAP TAHANAN & PENJAGAAN REMAN.**

**PEMBINAAN KEMUDAHAN KESELAMATAN MENGIKUT AKTA.**

Merujuk kepada surat PDRM bertarikh [20hb Jun 2023, no rujukan KPN LOG 145/43](#), setiap sel tahanan atau lokap **MESTILAH** dibina bagi memastikan tiada seorang pun banduan atau OKT boleh melepaskan diri. Ini adalah untuk mengelakkan penjawat awam didapati bersalah dan memastikan keselamatan orang awam daripada ancaman mana-mana banduan atau OKT yang melarikan diri dari tahanan tersebut. Antara **Akta yang boleh dirujuk adalah Kanun Keseksan Seksyen 223 (Akta 574), Akta Penjara 1995 (Akta 573), Akta Polis 1967 (Akta 344), Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) & Kaedah-Kaedah dan Kaedah-Kaedah Lokap 1953.** Selain itu bagi pintu **senjata, dokumen dan bahan rampasan** juga tertakluk kepada garis panduan **Rujukan Fail KDN: KDN.KK.S.700-1/3/3 Lampiran A, Perkara 2.1 sehingga 2.3.**

Oleh yang demikian sewaktu pewartaan bagi setiap bangunan yang siap dibina akan berlaku kesulitan sekiranya peruntukan undang-undang berkaitan dengan pembinaan tidak dipatuhi. Antara perkara yang menyebabkan kelewatan projek ialah isu pemalsuan produk dan dokumentasi **rujuk Seksyen 468 Kanun Keseksan (Akta 574).** Sebagai contoh pemalsuan dokumen berterusan oleh pihak tidak bertanggungjawab **[KLIK PAUTAN](#)**.

Perkara seperti penapisan kelayakan kontraktor serta pengesahan dokumen sokongan dari prinsipal dan produk juga sudah dipraktikkan oleh [Jabatan Penjara Malaysia](#) dan [Jabatan Imigresen Malaysia](#) sekiranya mereka mengendalikan kontrak secara langsung. Malangnya ia tidak ditapis oleh pihak pengurusan projek sehingga menyebabkan kerugian kepada pengguna dan sukar diwartakan. **Lebih mendukacitakan apabila perbelanjaan yang besar terpaksa dilakukan untuk kali kedua menggantikan dan membaik pulih sistem lokap apabila tempoh operasi bermula.** Ini sudah berlaku dalam banyak projek di bawah agensi-agensi KDN dan sebagainya.


Selain itu terdapat juga kes isu yang dibangkitkan Jabatan Audit Negara serta Suruhanjaya Pencegah Rasuah setelah fasiliti siap melibatkan keselamatan awam dan anggota kerana berlakunya **tuntutan palsu.** **[KLIK PAUTAN](#)**. Terdapat banyak lagi bahan serta sumber rujukan Kaedah-Kaedah dan Akta yang sedang dikemaskini.

**SISTEM BERSEPADU AKSES KESELAMATAN MAKSIMA UNTUK PENJARA, LOKAP SERTA PELBAGAI FASILITI KESELAMATAN.**



Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk berkongsi maklumat berkaitan perkembangan semasa industri di atas agar ia dapat memberi manfaat khususnya kepada pengguna dan memberi pencerahan terhadap soalan-soalan lazim di pasaran. Diharapkan intipati dalam risalah ini dapat membantu pengguna untuk menambah ilmu demi kebaikan umum. Ini juga selari dengan aspirasi pembangunan Kerajaan Malaysia untuk menuju ke arah negara maju.





Emir Bina terlibat seawal 2006. Pada 2011 Emir Bina dengan rasmi dilantik secara langsung menjadi Pengedar Eksklusif Southern Steel dan dilatih menjadi pakar dalam bidang pembinaan keselamatan. Pada tahun 2016 Emir Bina juga dilantik mengambil alih jenama Folger Adam dan kini keduanya dikenali sebagai Southern Folger. Pada tahun 2017 Emir Bina menghadiri kursus di Amerika Syarikat untuk melanjutkan pengetahuan dalam bidang pembinaan keselamatan mengikut piagam antarabangsa. Emir Bina tidak menggunakan 'orang tengah' tetapi berurusan secara langsung bersama industri untuk kawalan mutu, jaminan dan alat ganti selepas jualan. Pada penghujung 2026 Emir Bina juga mewakili RR Brink di mana ketiga-tiga jenama di bawah Southern Folger yang lazim digunakan dan mendapat kepercayaan di pasaran Malaysia.

## KAJIAN KES SYARIKAT & PRODUK BERTAULIAH.

Melakukan pemilihan adalah mustahak seperti yang telah dilakukan di peringkat Jabatan Penjara SKEB, Polis DiRaja Malaysia melalui pekiling di atas, Jabatan Imigresen melalui pemilihan kontraktor. Dasar ini wajar diikuti melalui pihak pengurus projek bagi mengelakkan kos penyelenggaraan yang berlarutan kepada pengguna bermula dari projek.

Berikut adalah contoh perbandingan kajian kes yang boleh dan lazim berlaku di pasaran:


A.	Perkara	Emir Bina - Safety2u	Syarikat X
1	Jenis Syarikat.	Sdn. Bhd.	
2	Pejabat Operasi.	Shah Alam, Selangor.	
3	Operasi Kilang.	Ada. <a href="https://www.southernfolger.com/">https://www.southernfolger.com/</a>	
4	Sijil Profesional MOF.	Ada.	
5	Sijil Profesional CIDB.	Ada.	
6	Sijil (Kuota)Bumi.	Ada.	
7	Laman Sesawang.	<a href="http://www.safety2u.com.my">www.safety2u.com.my</a>	
8	Carta Organisasi.	<a href="https://safety2u.com.my/team.php">https://safety2u.com.my/team.php</a>	
9	Khidmat PENYELENGGARAAN Selepas Jualan.	Ada. <a href="http://Safety2uMaintenance">Safety2uMaintenance</a>	
10	Tag Waranti Di Pintu & Kunci.	Ada.	
11	Kenderaan, Alatan, Tenaga Mahir Penyelenggaraan 24 jam.	Ada.	
12	Rekod Kerja Penyelenggaraan sewaktu dan selepas Certificate of Practical Completion (CPC).	Ada.	
13	Senarai Projek & Gambar.	Ada. (SST & P.O)	



B	Southern Folger	Syarikat X
1	Surat Lantikan dari Pengilang.	Ada.
2	Latihan Produk dari Pengilang.	Ada.
3	Jaminan dari Pengilang.	Ada.
4	Tauliah dari JKR.	Ada. <a href="https://safety2u.com.my/images/pdf/2023-ikr-sijil.pdf">https://safety2u.com.my/images/pdf/2023-ikr-sijil.pdf</a>
5	<i>Operation Manual.</i>	Ada.
6	Stok Alat Ganti Tulen.	Ada.
7	Alat Ujian dari Pengilang.	Ada.
8	Kod & Pembayaran Cukai Import.	Ada.
9	Sijil ASTM.	1010 – Ada. (sila pohon untuk salinan)
10	Sijil ASTM bersama <b>Security Latch</b> (menahan banduan manipulasi latch untuk lari).	1070 – Ada. (sila pohon untuk salinan)
11	Harga 1 : 1	Termasuk cukai import dan jualan.
12	Penghantaran (Elak daripada penalti EOT dan koordinasi antara pemasangan kunci serta pintu).	1 ke 3 bulan komitmen dari pengilang.

### MEMBINA FASILITI LOKAP BUKAN BANGUNAN PERUMAHAN ATAU KOMERSIAL.

Sama seperti pembinaan hospital yang memerlukan kontraktor khusus, pembinaan fasiliti yang mempunyai bilik tahanan juga memerlukan kepakaran tertentu. Ia perlu memastikan daya tahan, reka bentuk, dan pelbagai lagi faktor bagi menjadikan fasiliti tersebut sebagai bangunan yang mempunyai keselamatan maksimum. Fasiliti yang mempunyai bilik tahanan perlu menjamin keselamatan tahanan di sana 24 jam, diikuti dengan aktiviti harian dan trafik keluar masuk tanpa kompromi terhadap isu keselamatan kepada pegawai mahupun tahanan. Fasiliti yang dibina tanpa ciri-ciri ini akan menjadi tidak boleh beroperasi, merisikokan pegawai, dan seterusnya memberi kesan operasi terhadap Seksyen 223. Sebagai contoh, kes banduan terperangkap atau melarikan diri yang tertera pada media akhbar di mana pegawai dipertanggungjawabkan, sedangkan isu ini timbul kerana ada pihak tidak mengambil isu ini sungguh-sungguh demi keselamatan dan protokol pegawai operasi.



Antara CONTOH lokasi yang disarankan menggunakan sistem kunci & pintu keselamatan adalah:

<b>Airlock (Sally Port)</b>	<b>Cell Door</b>	<b>Black Maria</b>	<b>Exercise Room</b>
<b>Indoor Corridor - Passage</b>	<b>Staircase</b>	<b>Officer / Guard Room</b>	<b>Outdoor Walkways</b>
<b>Wings Entrance</b>	<b>Service, Riser Hose Reel</b>	<b>Weapon Room</b>	<b>Cypher, Document, Data Room</b>
<b>Evidence Room</b>	<b>Server Room</b>	<b>Main Hole / Drain Cover</b>	<b>Main Entrance Gate</b>



## JENAMA SERTA PRODUK SAFETY2U BERSAMA SOUTHERN FOLGER.

Southern Steel (SS) telah ditubuhkan pada tahun 1897 dan telah beroperasi dengan jayanya selama 120 tahun dan terbukti merekodkan pengalaman yang terluas serta penyelesaian bersepadu. SS dan Folger Adam (FA) adalah pengeluar bagi penyelesaian sistem keselamatan lokap dan penjara yang berprofil tinggi berpusat di San Antonio, USA. Ia juga mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa secara meluas. Pada tahun 2004, SS dan FA bergabung dan kini dikenali sebagai Southern Folger (SF). Terkini mereka juga memiliki jenama RR Brink.

SF mempunyai rangkaian produk yang lengkap serta dasar penyelidikan dan pembangunan yang berterusan. Ia merangkumi mekanisma serta sistem kawalan untuk operasi pagar, jeriji lokap, operasi pintu dan sistem kunci keselamatan yang terdiri daripada kategori mekanikal, elektrik dan sistem kawalan secara pneumatic. Ini bertujuan bagi memastikan pencapaian dan kepuasan pengguna yang menyeluruh pada setiap peringkat.



## UJIAN PIAWAIAN PENSIJILAN ANTARABANGSA & PENGIKHTIRAFAN PERINGKAT NASIONAL.

Produk SF telah menjalani pelbagai proses penyelidikan dan pembangunan melalui pengujian makmal American Society for Testing and Materials (ASTM). Sebagai contoh, dalam usaha untuk mencapai taraf dan memperolehi pensijilan ini, produk perlu melalui sekurang-kurangnya empat jenis ujian daya tahan dan juga lasak. Antara ujian yang dilakukan di makmal ASTM adalah seperti ujian impak, ujian kitaran, ujian pembakaran, ujian anti-pick dan pelbagai lagi. Kesemua ujian ini telah mencapai ujian tahap tertinggi dalam kelasnya di Amerika Syarikat dan ianya juga digunakan sebagai rujukan utama di peringkat antarabangsa. Ujian-ujian ini adalah bertujuan untuk memastikan kesemua sistem beroperasi dalam keadaan baik, lancar dan berdaya tahan agar boleh digunakan dalam operasi jangka masa yang lama. SF juga diiktiraf, telah digunakan sebagai kunci keselamatan rasmi lokap dan penjara oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pertahanan, Keselamatan Dalam Negeri seperti Penjara, PDRM dan agensi-agensi lain.



## PENGESAHAN KETULENAN PRODUK MELALUI SIJIL ASLI.

Bagi setiap sijil ASTM yang rasmi mempunyai cirinya yang tersendiri, seperti tarikh dikeluarkan, nombor siri produk, nombor rujukan, nombor kunci, tarikh dikilangkan, nombor fail PSI, nombor ujian SSCI dan pelbagai lagi. Akhir sekali, pihak pengguna boleh menghubungi makmal bagi memastikan ketulenan sijil ujian ASTM yang dikeluarkan kepada pengilang melalui alamat yang tertera pada sijil tersebut. Hal ini bertujuan bagi mengelakkan daripada sebarang tuntutan palsu kerana ini akan merugikan dan membahayakan pengguna. Barangan yang tidak asli, dikhuatiri tiada jaminan untuk alat ganti.







REMARKS: This letter is to summarize that PSI, Inc. has observed testing of the Southern Steel Company Model 1070A/1070AZ Lock and this lock was found to meet the requirements of ASTM F-1577-96 for the tests listed below:

TEST NAME	PSI FILE NO.	SSCO TEST NO.
Mechanical Release Operation Cycle Test	311-10147	PPT-348
Cylinder Test	311-10072	PPT-343
Mechanical Release Force Test	311-10147	PPT-348
Horizontal Impact Test (Security Grade 2)	311-10147	PPT-348

If you have any questions regarding this letter or if we may be of further service, please call us.

Respectfully submitted,  
 Professional Service Industries, Inc.  
*Shahid W. af. 7*



### KAJIAN KES: ISU KECIL BERISIKO BESAR.

Terdapat beberapa kes kajian yang menyebabkan fasiliti tidak boleh beroperasi. Sebagai contoh, di mana satu anak kunci keselamatan yang gagal berfungsi, diikuti dengan kegagalan menghubungi ejen mahupun pengeluar untuk mendapatkan bantuan berkaitan sokongan teknikal ataupun alat ganti. Ini secara tidak langsung menggagalkan operasi kerja, kerugian masa, pembaziran tenaga kerja dan kos baik pulih. Ternyata, hanya isu anak kunci yang gagal beroperasi, ia membahayakan keadaan, risiko keselamatan pegawai dan tahanan terperangkap sekiranya ada kecemasan. Selain itu, sebahagian besar pintu lokap tidak boleh berfungsi sekaligus telah melumpuhkan operasi jabatan berkaitan. Perkara ini termaktub dalam **Arahan Perbendaharaan 135** yang mana hendaklah mempunyai dua kunci yang berasingan dengan anak kunci yang berlainan atau nombor kombinasi yang berlainan dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. Arahan Perbendaharaan ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan pada 31hb Julai 2008.



### STOK, SOKONGAN SELEPAS JUALAN & ALAT GANTI TULEN.

SF & Emir Bina Sdn Bhd (EMIR) telah menjalankan kerjasama bagi pasaran di Malaysia, Singapura dan Brunei sejak tahun 2006. Rujukan: [www.southernfolger.com/International Distributors Malaysia](http://www.southernfolger.com/International_Distributors_Malaysia). Dengan rekod dan pengalaman yang terbukti selama 12 tahun, SF-EMIR telah berjaya memberi sokongan selepas jualan dan perhatian kepada isu-isu teknikal yang berbangkit. Sekiranya ada sebarang isu kecemasan, lazimnya SF-EMIR akan memberi maklum balas dalam jangka masa 24 jam. Di samping itu, kami juga menyediakan kemudahan sokongan dalam talian melalui aplikasi Whatsapp sepanjang masa. Selain sijil ASTM, SF-EMIR juga menyediakan sijil jaminan untuk alat ganti tulen, buku operasi manual dan jadual dari pengeluar. EMIR-SF juga menyediakan latihan teknikal dan taklimat produk berdasarkan permintaan pasaran dan pengguna dari semasa ke semasa.



**MEREKABENTUK, MEMBINA, MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI & MENYELENGGARA.**

SF-EMIR juga menawarkan pakej mereka bentuk, membina, memasang sistem keselamatan selain daripada membekal, menguji dan menyelenggara. SF-EMIR mengambil ciri-ciri seperti kos, keutamaan operasi dan keselamatan pengawal serta nisbah pegawai dan tahanan. Ini bagi memastikan operasi yang cekap dan berkesan tanpa berkompromi dengan hal ehwal keselamatan dan piagam (SOP) tugas rasmi. Selain itu, sebarang isu kecemasan dapat dihindarkan atau dikawal dengan sebaiknya. MENERUSKAN TRADISI HUBUNGAN AKRAB DI PASARAN. Demi memastikan kesinambungan dan komitmen SF-EMIR sentiasa menepati ciri-ciri dan keperluan pasaran, kami berbesar hati sekiranya diberi peluang untuk bertemu dan berbincang dengan lebih lanjut.

ANTARA MASALAH DI LAPANGAN.	ANTARA DAPATAN KAJIAN KES.
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Terdapat banyak fasiliti kerajaan yang gagal beroperasi, dibaik pulih dan lebih mendukacitakan gagal diwartakan.</li> <li>2. Secara umumnya terdapat angka tinggi bagi pintu yang dibelanjakan oleh kerajaan akhirnya menggunakan rantai selain padlock.</li> <li>3. Ini bermakna kerajaan perlu berbelanja kali kedua untuk tujuan pengantian atau penyelenggaraan.</li> <li>4. Meletakkan pegawai dalam keadaan risiko sekiranya pintu gagal dibuka waktu operasi terutamanya ketika kecemasan.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bajet sewaktu pembinaan tidak dikhususkan untuk perkara keselamatan. Akhirnya Kontraktor atau Sub-Kontraktor anggap ia adalah kerja besi dan kunci biasa.</li> <li>2. Sewaktu perancangan perkara ini tidak dirancang akhirnya pembaziran berlaku apabila projek siap. Ia kerana tidak menepati fungsi keselamatan.</li> <li>3. Pembekal lama tidak hilang tidak dapat dihubungi.</li> <li>4. Kunci adalah jenis tiruan, tiada sijil dan senarai alat ganti.</li> <li>5. Tiada pasukan penyelenggaraan.</li> <li>6. Pemasang kunci dan pintu bukanlah dari pakar keselamatan.</li> <li>7. Segalanya dikimpal menjadikan pintu atau kunci tidak boleh diselenggara.</li> <li>8. Menggunakan engsel jenis ball bearing bukan ASTM.</li> <li>9. Tiada mounting box, bolt keeper menjadikan latch tersangkut.</li> <li>10. Tiada security latch menjadikan banduan mudah lari.</li> <li>11. Pemasangan pintu dan kunci dilakukan oleh pihak berbeza, saling menuding jari.</li> <li>12. Tidak menggunakan anti-rust menjadikan karat lebih pantas.</li> </ol>

Segala perhatian dan kerjasama amat kami hargai dan dahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Sebarang pertanyaan dan maklumbalas boleh menghubungi penama seperti melalui info dan penama di pautan berikut: <https://safety2u.com.my/team.php>

Salam Hormat,  
EMIR BINA SDN BHD



Nota: Di bawah adalah proses koordinasi jadual kerja antara Safety2u dan kontraktor.

